

ST(IP)JG-300/5/2

Tarikh : 17 Ogos 05

Semua Kontraktor Berdaftar

**Kontraktor / Sub-kontraktor Perlu Berdaftar Bagi Kerja Berkaitan
Pemasangan Gas**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas, ingin diingatkan bahawa Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997 menghendaki kerja-kerja berkenaan dengan talian paip gas atau pemasangan gas, termasuk pemasangan, pembinaan, pengujian, penjalanan (commissioning), penyenggaraan dan pembaikan, dijalankan oleh firma yang berdaftar sebagai kontraktor gas dengan Suruhanjaya Tenaga.

2. Selaras dengan itu, kerjasama tuan adalah dialu-alukan supaya sentiasa memastikan firma tuan dan juga sub-kontraktor yang menjalankan kerja-kerja di atas mempunyai perakuan pendaftaran yang sah daripada Suruhanjaya Tenaga.

Sekian, terima kasih.



Ir. Ahmad Fauzi Bin Hasan
Pengarah
Jabatan Keselamatan dan Perbekalan Gas
b.p. Suruhanjaya Tenaga

s.k. TKPE (K&P)